

## BAB 2

### BIOGRAFI SHEIKH MUHAMMAD IDRIS AL-MARBawi

#### 2.1 PENGENALAN

Negeri Perak telah melahirkan ramai intelektual Islam yang masyhur dalam pelbagai bidang pengajian Islam dan banyak menabur jasa kepada penduduk di negeri itu. Antaranya ialah Sheikh Mohd Idris al-Marbawi atau dikenali dengan al-Marbawi merupakan tokoh persuratan Arab-Melayu yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat Malaysia dan Nusantara. *Kamus al-Marbawi* yang telah dihasilkan pada tahun 1927 telah memasyhurkan beliau sehingga ke hari ini. Beliau telah memanfaatkan usianya dengan menghasilkan pelbagai karya yang merangkumi bidang hadis, tafsir dan lain-lain lagi. Antaranya *Tafsir Quran Marbawi* dan *Tafsir Surah Yasin*. Karya-karya ini seharusnya dihargai dan ditelusuri intipatinya walaupun bahasanya agak sukar difahami. Ketokohan beliau dalam menyebarkan dan memperkembangkan Islam cukup diketahui umum sehingga beliau dianugerahkan sebagai tokoh Ma'al Hijrah pada tahun 1987.

#### 2.2 LATARBELAKANG TOKOH

Sheikh Mohd Idris al-Marbawi dilahirkan pada 28 Zulkaedah 1313 H bersamaan 12 Mei 1893 Masihi<sup>1</sup> di Masfalah , Makkah al-Mukarramah.<sup>2</sup> Nama sebenar beliau ialah

---

<sup>1</sup> Mengenai tarikh kelahiran tokoh ini terdapat perselisihan pendapat. Menurut kajian peringkat sarjana yang dihasilkan oleh Anwar Ridwan Zakaria, tarikh kelahiran tokoh berkenaan adalah pada 1 November 1895 Masihi berdasarkan surat wawancara Dato' Ahmad Shahir untuk Ustaz Abdullah Qari bertarikh 18 Jun 1966 pada halaman 1. Lihat Anwar Ridwan Zakaria (2007), “Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim Karangan Idris al-Marbawi: Kajian Metodologi Penghuraian Hadith”(Disertasi Sarjana di Jabatan al-Quran dan al-Hadith , Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 88

<sup>2</sup> Tajuddin Saman (1993), *Tokoh Ulama Nusantara*, Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd, h. 78,

Mohamed Idris bin ‘Abdul Rauf al-Marbawi<sup>3</sup>. Perkataan al-Marbawi dihujung namanya adalah merujuk kepada kampung asal keluarganya iaitu Lubuk Merbau yang terletak 10 km dari Bandar Kuala Kangsar di negeri Perak<sup>4</sup>.

Bapa beliau adalah Abdul Rauf bin Jaafar berasal daripada keturunan Minangkabau dan merupakan Syeikh Haji yang membawa jemaah haji ke Mekah manakala ibunya pula bernama Asma’ binti Abd. Karim yang berasal dari Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar merupakan isteri pertama bapanya. Setelah berkahwin, bapanya ke Mekah dan menetap di sebuah kampong berhampiran Masjid al-Haram yang bernama Masfalah.<sup>5</sup> Hasil perkahwinan pertama bapanya telah dikurniakan 6 orang anak lelaki iaitu Haji Abdullah, Haji Tahir, Haji Harun, Haji Abd Kadir, Haji Hassan dan termasuklah al-Marbawi sendiri. Beliau turut mempunyai dua orang saudara perempuan melalui hasil perkahwinan kedua bapanya iaitu Hajjah Hafsah dan Hajjah Khadijah<sup>6</sup>. Kesemua adik beradik al-Marbawi mendapat pendidikan agama sehingga ke Mesir kecuali Haji Tahir dan Haji Abdullah, meninggal pada usia muda tetapi sempat mendapat pendidikan melalui sistem pondok di Pattani dan Tanah Melayu yang cukup terkenal pada masa itu.<sup>7</sup>

Hasil didikan sejak kecil, kesemua adik beradik al-Marbawi telah menyumbang bakti kepada masyarakat dalam pelbagai bidang seperti guru, syeikh haji dan penceramah kuliah-kuliah agama di Masjid Daerah Kuala Kangsar. Pernyataan ini

<sup>3</sup> Ejaan Mohamed pada nama beliau adalah seperti yang tercatat pada kad pengenalan beliau yang disimpan di Pusat Islam Malaysia (JAKIM). Lihat Ismail Mat Ludin (1991) “*Syeikh Idris Marbawi dan Sumbangannya*” ( Kertas Projek, Jabatan Pengajian Quran Hadis , Universiti Kebangsaan Malaysia) h. 1

<sup>4</sup> Jabatan Mufti Selangor Darul Ehsan, <http://www.muftiselangor.gov.my/E-Book/KoleksiAt-Taqw>, 13 Mac 2008

<sup>5</sup> Dato’Syeyikh Mohamad Ghazali Abdul Wahid, menantu al-Marbawi. Temubual pada 3 Jun 2008

<sup>6</sup> Faisal bin Ahmad Shah (2007), *Metodologi Penulisan Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Baḥr al-Madhi*, (TESIS di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya) h. 90

<sup>7</sup> Mahani Mokhtar (1990), “*Syeikh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi : Sejarah dan Sumbangannya di Bidang Penulisan*”( Kertas Projek di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

membuktikan betapa keluarga beliau amat mementingkan pendidikan agama sehingga menjadikan beliau ulama' besar di negeri Perak.

### **2.3 PENDIDIKAN AL-MARBawi**

Sejak dari kecil lagi, al-Marbawi telah menunjukkan akademiknya yang memberangsangkan Beliau mendapat pendidikan awal seawal usia 4 tahun di mana al-Marbawi telah didedahkan dengan ilmu menghafaz al-Quran sebelum memasuki sekolah Masfalah di kota Mekah dua tahun kemudiannya. Al-Marbawi berjaya menghafaz 16 juzuk al-Quran ketika berusia 10 tahun serta menghafaz kitab *al-Dam* dan *Matan Ajrumiyah* ( matan asas ilmu nahu)<sup>8</sup>.

Pada tahun 1900, al-Marbawi serta ahli keluarganya pulang ke tanahair dan meneruskan pendidikan beliau di Sekolah Melayu Lubuk Merbau<sup>9</sup>, Perak sehingga lulus darjah lima pada usia 15 tahun. Kecenderungan ilmiah yang tertambat kukuh dalam jiwanya telah mendorong beliau melanjutkan pengajian di beberapa buah sekolah pondok yang merupakan institusi pendidikan Islam yang terpenting di alam Melayu ketika itu. Antaranya Sekolah Pondok Syeikh Wan Ahmad di Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Beliau menuntut ilmu di sana selama 3 tahun sebelum berpindah ke Pondok Tuan Hussein al-Mas'udi<sup>10</sup> di Kedah. Al-Marbawi turut menimba ilmu di Pondok Syeikh Ahmad Fatani yang terletak di Bukit Mertajam selama 4 tahun dan menamatkan pengajiannya di Pondok Tok Kenali di Kelantan<sup>11</sup>.

---

<sup>8</sup> Tajuddin Saman (1993), *op.cit.*, h. 78

<sup>9</sup> Kini dinamakan Sekolah Kebangsaan Syeikh Mohd Idris al-Marbawi

<sup>10</sup> Kini dinamakan Madrasah al-Khairiah

<sup>11</sup> Tajuddin Saman (1993), *op.cit.* Lihat juga Dewan Agama, Jun 2004, h. 46-47

Setelah menamatkan pengajian pada sekitar 1923, al-Marbawi menerima tawaran bertugas sebagai guru agama bertauliah dari Kerajaan Negeri Perak<sup>12</sup>. Tidak lama berkhidmat sebagai guru, timbul keinginan dalam diri beliau untuk menyambung semula pengajiannya ke peringkat lebih tinggi di samping minat yang mendalam kepada ilmu Islam. Melihat kepada kemampuan akademik beliau sebelum ini, bapa beliau mendorong agar menyambung pengajian ke Timur Tengah sama ada ke Mesir ataupun kembali ke Mekah.

Akhirnya pada tahun 1924, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir. Selain daripada menuntut ilmu, al-Marbawi turut bergerak aktif dalam persatuan yang telah ditubuhkan pada tahun 1923 iaitu *al-Jam'iyyah al-Khayriyyah al-Talabiyyah al-Azhariyyah* dan merupakan salah seorang sidang redaksi majalah *Seruan al-Azhar* yang cukup terkenal pada ketika itu<sup>13</sup>. Dalam penulisan, beliau menggunakan nama Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi al-Azhari. Gelaran *al-Azhari* digunakan bersempena pengajian beliau di Universiti al-Azhar yang masyhur sebagai institusi pengajian terulung di dunia Islam.<sup>14</sup> Berkat kesungguhan beliau menimba ilmu di sana, beliau berjaya mendapat *Ijazah 'Aliyah* dalam bidang Pengajian Islam<sup>15</sup>.

### 2.3.1 GURU-GURU AL-MARBAWI

Sepanjang hayat al-Marbawi, beliau telah melakukan pengembaraan ilmiahnya di tiga tempat utama iaitu Mekah, Tanah Melayu dan Mesir. Antara guru-gurunya semasa menuntut ilmu di institusi pondok yang terdapat di Tanah Melayu pada ketika itu ialah:

---

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> Faisal bin Ahmad Shah (2007), *op.cit.*, h. 98.

<sup>14</sup> Maklumat diperolehi melalui temubual bersama Dato'Syeikh Mohamad Ghazali Abdul Wahid pada 2 Jun 2008.

<sup>15</sup> Tajuddin Saman (1993), *op.cit.*, h. 80.

1. Syeikh Wan Muhammad bin Wan Husain di Bukit Chandan<sup>16</sup>
2. Tuan Husain Mohd Nasir al-Mas'udi al-Banjari di Kedah<sup>17</sup>
3. Tok Kenali di Kelantan<sup>18</sup>
4. Haji Yaakob Legor di Masjid Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan<sup>19</sup>
5. Haji Muhammad Ali Salahuddin bin Awang di Pulau Pisang<sup>20</sup>

Sewaktu al-Marbawi berada di Mesir pula, beliau sempat menimba ilmu dengan tokoh-tokoh ilmuan yang terkenal pada ketika itu. Ia dikenalpasti melalui karya-karya penulisan beliau. Antara guru-guru beliau sewaktu berada di Mesir adalah<sup>21</sup>:

1. Syeikh Mahmūd Ghunaym (pensyarah di Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar).
2. Syeikh Muhammad Bahīth (ulama' mazhab Hanafi).
3. Syeikh Abū al-A'la al-Falakī (guru ilmu falak).
4. al-Ustāz 'Abdul Wāṣif bin Muhammad (pentashih Kamus al-Marbawi)<sup>22</sup>.

---

<sup>16</sup> Mufti Kerajaan Negeri Perak. Berasal dari Pasir Putih, Kelantan. Beliau meninggal dunia pada 11 Disember 1929 dan dikebumikan di Makam al-Ghufran, Bukit Chandan. Lihat Jabatan Hal Ehwal Agama Perak (1983), *Ulama' Dalam Kenangan* dalam Suara Majlis bertarikh 1 Syawal 1403 H bersamaan 12 Julai 1983, h. 4-5.

<sup>17</sup> Seorang ulama' besar Kedah dan lebih dikenali dengan jolokan nama Tuan Husain Kedah (1863-1936). Beliau menubuhkan Madrasah al-Khairiah al-Islamiah, Pokok Sena. Lihat Ismail Che Daud (2001), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (I)*, c. 1, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 357-369.

<sup>18</sup> Nama penuh beliau ialah Muhammad Yusuf bin Ahmad seorang ulama' besar di Kelantan dan pengasas majalah Pengasuh. *Ibid.*, h. 255.

<sup>19</sup> Beliau adalah Haji Yaakub bin Ismail bin Abdul Rahman, seorang ulama' yang mempunyai kebolehan di dalam segenap bidang ilmu agama pada zamannya. Merupakan anak murid Tok Kenali yang masyhur itu. *Ibid.* h. 187-189.

<sup>20</sup> Beliau adalah ulama' Kelantan yang mempunyai kebolehan luar biasa dalam bidang ilmu *sarf* dan *nahwu*. Beliau dianggap orang yang mewarisi ilmu nahw Tok Kenali, kerana itulah Tok Kenali pernah berkata kepada murid-muridnya: "kalau mahu belajar nahu pergilah belajar kepada Haji Ali". *Ibid.*, h. 167.

<sup>21</sup> Faisal bin Ahmad Shah (2007), *op.cit.*, h. 103-104.

<sup>22</sup> Mahani Mokhtar (1990), *op.cit.*, h. 32.

5. al-‘Allāmah al-Makki al-Syeikh Muhammad ‘Ali al-Mālikī (dinyatakan dalam mukadimah kitab *Bulugh al-Maram* serta *Terjemah Melayu*)

### **2.3.2 MURID-MURID AL-MARBAWI**

Oleh kerana sebahagian hayatnya beliau berada di Mesir, amat sukar untuk mengenalpasti bilangan anak-anak muridnya. Maklumat anak-anak murid al-Marbawi diketahui melalui kelas pengajian fardhu ain yang diadakan beliau sekembalinya beliau dari Pondok Tok Kenali, Kelantan. Beliau mengadakan kuliah ilmi tersebut tiga kali seminggu iaitu selepas menunaikan fardhu Maghrib di Kampung Parit. Antara anak-anak murid beliau ialah<sup>23</sup> :

1. Haji Ibrahim bin Ariffin
2. Kulub bin Abdul Wahab
3. Haji Ishak bin Musa
4. Ilyas bin Arsyad
5. Abdul Mutualib bin Husain
6. Pandak Muhammad bin Haji Husain
7. Haji Abbas bin Abdul Rauf
8. Ishak bin Muhammad Arif

Kesemua anak murid al-Marbawi adalah dari beberapa buah kampung berhampiran seperti Kampung Laneh, Kampung Labu Kubang dan Kampung Paya.

---

<sup>23</sup> Maklumat ini diperolehi hasil temubual bersama Dato' Syeikh Haji Mohd Ghazali bin Haji Abd. Wahid , menantu al-Marbawi pada 2 Jun 2008. Lihat juga Faisal bin Ahmad Shah (2007), *op.cit*.

## **2.4 PERKAHWINAN**

Sebelum al-Marbawi melanjutkan pelajarannya ke Mesir, beliau telah berkahwin dengan Che Khadijah binti Muhammad Edham<sup>24</sup> dari Kota Lama dan sekarang dikenali sebagai Kuala Kangsar, Perak. Beliau melangsungkan perkahwinan pertamanya setelah menamatkan pengajiannya di Pondok Tok Kenali, Kelantan pada tahun 1923. Hasil perkongsian hidup beliau dan isterinya, beliau dikurniakan 10 orang anak. Namun begitu, kesemua anaknya meninggal dunia sewaktu masih kecil kecuali seorang anak perempuan iaitu Mariam binti Mohamed Idris.<sup>25</sup> Beliau turut membawa isterinya ke Mesir sepanjang pengajian al-Marbawi di sana<sup>26</sup>.

Pada tahun 1960 pula, beliau telah berkahwin kali kedua dengan gadis Mesir iaitu adik kepada sahabatnya setelah Khadijah kembali ke tanah air beberapa tahun sebelumnya. Namun, perkahwinan keduanya tidak lama apabila isteri keduanya meninggal pada tahun 1967. Setelah lima tahun menjalani kehidupan tanpa kehadiran seorang isteri di sisi sebagai peniup semangat, beliau berkahwin pula dengan seorang balu beranak dua iaitu Munirah Abd Wahab. Perkahwinan ketiga al-Marbawi kekal hingga ke akhir hayat al-Marbawi<sup>27</sup>.

## **2.5 KERJAYA**

Kerjaya al-Marbawi bermula setelah pulang dari menamatkan pengajian di Pondok Tok Kenali, Kelantan. Beliau telah menerima tawaran sebagai guru agama

---

<sup>24</sup> Beliau telah meninggal dunia pada 30 Jun 1988. Maklumat ini berdasarkan tarikh yang tertera di batu nisan Allahyarhamah.

<sup>25</sup> Beliau telah berkahwin dengan seorang tokoh ulama' negeri Perak iaitu Dato' Syeikh Haji Mohd Ghazali bin Haji Abd Wahid.

<sup>26</sup> *Ibid*, h. 100

<sup>27</sup> *Ibid*.

bertauliah dari Kerajaan Negeri Perak<sup>28</sup>. Setahun selepas itu, beliau berhenti kerana melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar, Mesir demi memenuhi impian bapanya pada ketika itu.

Setelah beliau menamatkan pelajarannya sehingga mendapat *Ijazah ‘Aliyah*, beliau menetap di Mesir bersama isterinya dan menjalankan perniagaan sendiri melalui penubuhan sebuah percetakan yang dinamakan al-Matba’ah al-Marbawiyyah pada tahun 1927<sup>29</sup>. Penubuhan percetakan tersebut bertujuan mencetak dan membekal kitab-kitab Arab dan Jawi khususnya kepada pelajar Malaysia yang sedang menunut di Mesir serta untuk manfaat anak bangsanya di Tanah Melayu.

Keazaman beliau membuka percetakan tersebut bermula atas kesedaran beliau terhadap kepentingan pendidikan anak bangsanya di Tanah Melayu mula tumbuh dalam dirinya. Bagi melicinkan operasi percetakan tersebut, beliau sanggup mengupah orang Arab Mesir untuk membantu beliau. Kegigihan beliau untuk membuka percetakan tersebut terserlah apabila beliau bersusah payah membawa alat cetak bersama ke Mekah tetapi disekat oleh kerajaan Mesir pada ketika itu dan tidak membenarkan ia dibawa masuk.

Selain daripada mencetak buku Arab dan Jawi, minat yang mendalam terhadap penulisan mendorong beliau untuk menulis dan menterjemah buku Arab serta mentashihkan kitab-kitab jawi sebelum diterbitkan oleh syarikat percetakan lain seperti Syarikat Percetakan Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī<sup>30</sup>.

---

<sup>28</sup> Tajuddin Saman (1993), *op.cit.*, h. 80

<sup>29</sup> Faisal bin Ahmad Shah (2007), *op.cit.*, h. 100

<sup>30</sup> Antara karya-karya yang diterbitkan ialah *Tafsir Surah Yasin*.

## **2.6 HASIL-HASIL KARYA**

Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang keilmuan, al-Marbawi telah menghasilkan pelbagai jenis karya seperti kamus, kitab-kitab tafsir, kitab-kitab hadis dan buku-buku berkaitan bidang *Fiqh* dan *Tasawwuf*. Karya-karya yang beliau hasilkan melebihi 20 buah karya dan kebanyakannya hasil karya beliau diterbitkan oleh Percetakan Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī yang merupakan antara syarikat percetakan terbesar di Mesir. Antara hasil karya beliau adalah:

### **2.6.1 DALAM BIDANG BAHASA**

#### 2.6.1.1 *Kamus al-Marbawi*<sup>31</sup>

Kamus al-Marbawi merupakan karya paling awal dihasilkan dan sangat masyhur sekitar tahun 1925. Penulisan kamus ini adalah hasil desakan guru beliau semasa berada Mesir iaitu Syeikh Abū al-A’la al-Falakī . Pada peringkat awal, kamus ini dicetak oleh beliau sendiri melalui percetakan kepunyaannya iaitu al-Matba’ah al-Marbawiyah di Kaherah, Mesir. Penulisan kamus ini bermula dengan pendahuluan yang mengandungi kaedah dan tatacara penggunaan kamus diikuti dengan penjelasan symbol-simbol yang digunakan dan diakhiri dengan perbincangan tentang hukum bergambar. Kamus ini disusun mengikut urutan abjad hija’iyyah dan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama bermula dengan huruf alif (ا) hingga huruf ain (ع) manakala bahagian kedua pula bermula dengan huruf ghain (ڦ) hingga ya’ (ڻ).

---

<sup>31</sup> Kamus pertama diterbitkan oleh percetakan beliau sendiri al-Maṭba’ah al-Marbawiyah. Dibahagikan kepada 2 juzuk dan mengandungi 36000 kalimah Arab yang diberikan terjemahan Melayu serta 1200 kalimah disertakan dengan gambar.

Lihat Mohd Idris Abdul Rauf. Dr. (t.t), *Kamus Idris al-Marbawi Arab-Melayu*, Kaherah: Dar al-Fikr

### 2.6.1.2

### *Mu'jam al-Kāinah*<sup>32</sup>

Kitab ini mengandungi 320 bab dengan disertai 308 gambar bagi memudahkan lagi pemahaman pembaca. Ia dicetak dalam 4 jilid dan ditulis dalam bahasa Arab. Karya ini membahaskan tentang kegunaan tumbuhan-tumbuhan dalam ilmu perubatan, asal-usul penyakit serta cara-cara mengubati penyakit tersebut dan juga kaedah menghindarinya. Kitab ini dicetak oleh al-Matba'ah al-Marbawiyyah pada tahun 1957.

### 2.6.1.3

### *Kitab Perbendaharaan Ilmu*<sup>33</sup>

Karya ini merupakan himpunan jurnal bulanan yang mengandungi 32 halaman bagi setiap penerbitan. Ia juga dinamakan sebagai *Kamus Segala Ilmu* yang terdiri daripada 3 jilid kesemuanya. Kitab ini memberi tumpuan kepada pelbagai ilmu keagamaan dan keduniaan dan ia disusun berdasarkan huruf hija'iyyah seperti yang tertera di kulit hadapan kitab tersebut. Kitab ini juga dicetak oleh al-Matba'ah al-Marbawiyyah.

## 2.6.2 DALAM BIDANG TAFSIR<sup>34</sup>

### 2.6.2.1

### *Tafsir Quran al-Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm.*

<sup>32</sup> Ditulis dalam Bahasa Arab tentang fungsi tumbuhan-tumbuhan dalam perubatan, asal-usul penyakit serta cara merawatnya. Mengandungi 4 jilid, 320 bab dan dicetak oleh percetakan beliau sendiri.

<sup>33</sup> Kitab ini memberi fokus kepada pelbagai ilmu keagamaan dan keduniaan yang diuraikan mengikut abjad huruf hija'iyya. Ia mengandungi 32 halaman bagi setiap keluaran

<sup>34</sup> Berdasarkan temubual penulis bersama menantu al-Marbawi, beliau menyatakan bahawa al-Marbawi turut menulis *Tafsir Nurul Yakin*, *Tafsir Fath al-Qadir*, *Tafsir Surah al-Fatiyah* tetapi tidak ditemui semasa ziarah dilakukan ke mini perpustakaan di kediaman beliau bersama dengan Allahyarhamah Ustazah Mariam (anak perempuan al-Marbawi). Beliau turut menyatakan bahawa al-Marbawi sempat menulis tafsiran al-Quran 30 juzuk dan masih berbentuk manuskrip serta tidak sempat dicetak. Namun, manuskrip tersebut dikatakan telah dihantar ke sebuah syarikat percetakan yang tidak jelas disebut memandangkan keuzuran beliau. Maklumat ini turut ditemui penulis dalam disertasi kajian Mohamad bin Abdul Rahman. Lihat Mohamad bin Abdul Rahman (2003) “*Sumbangan Syeikh Idris al-Marbawi: Satu kajian Terhadap Kitabnya Bahr al-Madhi, Tumpuan Kepada Bab Niat*”(Disertasi di Jabatan Sejarah dan Tamadun, Akademi Pengajian Islam , Universiti Malaya) h. 53.

Karya ini mengandungi tafsiran surah al-Fatiyah dan surah al-Baqarah dan ditulis dalam tiga juzuk mengikut susunan juzuk di dalam al-Quran. Juzuk pertama adalah tafsiran lengkap surah al-Fatiyah diikuti dengan surah al-Baqarah sehingga ayat 141 sahaja. Juzuk kedua pula diistilahkan sebagai Juzuk *Sayaqūl* sempena kalimah pertama dalam ayat 142 sebagai permulaan tafsiran iaitu ‘*sayaqūlu al-sufahā*’ dan mengandungi tafsiran ayat 142 surah al-Baqarah hingga ayat 252 manakala juzuk ketiga pula mengandungi tafsiran ayat 253 hingga ayat akhir surah al-Baqarah iaitu ayat 286. Bagi juzuk ini pula al-Marbawi menamakan ia sebagai Juzuk ‘*Tilka al-Rusul*’. Kitab ini selesai ditulis pada 22 Rabiul Awal 1357H bersamaan 23 Mei 1938 M dan dicetak oleh al-Matba’ah al-Marbawiyah.<sup>35</sup>

#### 2.6.2.2 Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin<sup>36</sup>

Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin mengandungi tafsiran surah Yaasin sahaja yang mengandungi himpunan 574 masalah yang berkaitan dengan hukum-hukum al-Quran. Al-Marbawi menulis tafsir ini ketika berada di Mesir dan selesai menulisnya pada tahun 1966 sewaktu berusia 73 tahun. Cetakan pertama kitab ini pada bulan Sya’ban 1383 H bersamaan bulan Januari 1964 M seperti yang tertera di muka hadapan kitab tafsir tersebut dan dicetak di Matba’ah al-Anwar iaitu percetakan yang dimiliki oleh sahabatnya semasa berada di Mesir.

<sup>35</sup> Mengandungi tafsir surah al-Fatiyah dan al-Baqarah dan dibahagikan kepada 3 juzuk Lihat Mohd Idris Abdul Rauf al-Marbawi(1938),*Tafsir Quran Marbawi,Juz Alif Lam Mim*,Kaherah : al-Matba’ah al-Marbawiyah

<sup>36</sup> Muhammad Idris al-Marbawi ( 1964) *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin*, Mesir : Matba’ah al-Anwar. Perbincangan lanjut melaui kitab tafsir ini akan ditemui pada bab 3 kajian ini nanti.

Kitab ini merupakan kitab terjemahan dari kitab asal yang ditulis dalam bahasa Arab. Pengarang asal kitab ini ialah Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Syawkānī. Dalam mukadimah kitab ini, al-Marbawi mengakui bahawa beliau menterjemahkan kitab asal tersebut daripada bahasa Arab ke Bahasa Melayu. Metode penulisan kitab ini mirip kepada cara penulisan kitab lama seperti kitab *Tafsir al-Jalālaynī*. Kitab ini mengandungi perbahasan tafsiran keseluruhan ayat dalam surah Yasin dalam 83 muka surat sahaja. Kitab ini dicetak di Mesir pada tahun 1935 iaitu semasa beliau masih menuntut ilmu di sana.

### 2.6.3 DALAM BIDANG HADIS<sup>38</sup>

Kitab ini merupakan huraian kepada hadis-hadis pilihan dari kitab *Sahih Bukhari wa Muslim*. Oleh kerana itu, nama karya ini disandarkan kepada nama kitab asal hadis-hadis tersebut diambil. Tujuan kitab ini dikarang adalah untuk mewujudkan budaya ilmu dan mengeluarkan masyarakat pada ketika itu daripada taqlid buta dan memperkenalkan kitab asas Islam kepada masyarakat yang tidak memahami bahasa Arab serta mengelakkan masyarakat mengambil hadis-hadis yang menyeleweng sebagai

<sup>37</sup> Lihat Nor Rafidah binti Abdul Malek (2002), *Pentafsiran al-Quran di Negeri Perak : Tokoh-Tokoh Tafsir dan Kitab-Kitab Yang Dihasilkan* (Latihan Ilmiah di Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 63-64

<sup>38</sup> Terdapat sebuah lagi karya hadis al-Marbawi yang dikenali dengan *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Turmudhi*. Namun penulis tidak menemui karya tersebut tetapi dinyatakan sebagai hasil karangan al-Marbawi pada muka surat terakhir dalam Kamus al-Marbawi cetakan kelima.

<sup>39</sup> Mengandungi terjemahan dan syarahan kepada hadis-hadis yang dipilih daripada kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan al-Muslim

Lihat Mohamed Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1934) *Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim*, Kaherah : al-Maṭba’ah al- Marbawiyah

panduan. Kitab ini mengandungi dua jilid dan selesai penulisannya pada awal Rabiul al-Thani tahun 1358 H. Kitab ini turut dicetak oleh percetakan al-Marbawi sendiri.

### 2.6.3.2      *Bulugh al-Marām serta Terjemahan Melayu*<sup>40</sup>

Kitab ini mengandungi 1370 buah hadis yang diterjemah dan dihurai dengan penjelasan lengkap serta menggunakan kaedah nota kaki bagi maklumat tambahan berbentuk ulasan terhadap hadis-hadis yang terdapat dalam kitab asal karya Ibn Hajar al-Asqalani. Setiap hadis yang diterjemah akan diletakkan nombornya sekali. Penulisan kitab ini dimulakan dengan mukadimah yang mengandungi huraiyan pengenalan kepada *usul al-fiqh* dan huraiyan kepada kaedah-kaedah fuqaha'. Pada akhir kitab ini disertakan biografi imam al-Hafiz Ibn Hajar dan indeks isi kandungan. Kitab ini selesai ditulis terjemahannya pada hari ahad 17 Syawal 1383 H bersamaan Mac 1963 dan dicetak di percetakan milik al-Marbawi dan juga Matba'ah al-Anwār al-Muhammadiyyah.

### 2.6.3.3      *Baḥr al-Mādhī*<sup>41</sup>

Kitab ini merupakan kitab hadis bertulisan jawi terbesar dan antara yang terawal wujud dalam masyarakat Melayu di rantau ini. Ia masih digunakan sebagai bahan pengajaran dalam pengajian hadis di Malaysia terutamanya sistem pondok. Kitab ini mengandungi ulasan dan huraiyan hadis-hadis yang menyentuh aspek *fiqh*, *aqidah*, *tasawwuf* dan *muamalat*. Hadis-hadis tersebut dipetik dari *Sahīh al-Tirmidhī* yang terdiri daripada 2778 buah hadis dan dibahagikan kepada 46 bab dengan 8390 masalah.

<sup>40</sup> Terkandung di dalamnya terjemahan dan syarahan hadis yang terdapat dalam kitab *Bulugh al-Maram* oleh Ibn Hajar al-Asqalani. Lihat Mohd Idris Abdul Rauf al-Marbawi (t.t), *Bulugh al-Maram Serta Terjemah Melayu*, Kaherah : Matba'ah al-Anwar al-Muhammadiyyah  
Lihat Mohd Idris Abdul Rauf al-Marbawi (t.t) *Bulugh al-Maram serta Terjemah Melayu*, Kaherah : Matba'ah al-Anwar al-Muhammadiyyah

<sup>41</sup> *Ibid.*

Bentuk penyusunan kitab ini berdasarkan penyusunan kitab *Sahīh al-Tirmidhī*. Pada peringkat awal, kitab ini dicetak dalam 22 jilid dan kemudian diiringi 11 jilid. Terdapat 8 jilid lagi tidak sempat dicetak dan masih berbentuk manuskrip tetapi sempat diserahkan kepada Dato' Haji Hasan Adli yang pada ketika itu merupakan Duta Besar Malaysia ke Mesir untuk dicetak.<sup>42</sup>

## 2.6.4 DALAM BIDANG FIQH DAN TASAWUF

### 2.6.4.1 *Punca Agama dan Pati Hukum Ibadat*<sup>43</sup>

Karya ini ditulis bagi memperkenalkan perkara-perkara asas bagi golongan yang baru mempelajari hukum Islam dan golongan yang sukar mengingat tentang ilmu fardhu ain serta hukum-hukum syara'. Ia mengandungi isu berkaitan *tauhid*, *fiqh* dan *tasawwuf* dan berbentuk 83 soal jawab iaitu 17 bahagian *usuluddin*, 60 bahagian *fiqh* dan 6 di bahagian *tasawwuf*. Kaedah soal jawab digunakan untuk memudahkan pembaca memahami isu tersebut melalui olahan ringkas dan padat. Kitab ini juga dicetak oleh percetakan al-Marbawi sendiri.

### 2.6.4.2 *Nizām al-Hayah: Peraturan Hidup Umat Islam*<sup>44</sup>

Karya ini mengandungi 36 isu-isu kontemporari berkaitan peradaban umat Islam seperti sejarah berbunuhan sesama Islam, pertumpahan darah Muslim ke bumi, harta

<sup>42</sup> Maklumat ini diperolehi hasil temubual penulis bersama menantu al-Marbawi. Lihat juga Mohamad bin Abdul Rahman (2003), *op.cit.*, h. 53. Ada maklumat mengatakan bahawa beliau telah menyerahkannya kepada Arkib Negara tetapi setelah dijejaki penulis tidak menemui manuskrip tersebut di sana.

<sup>43</sup> Berbentuk soal jawab tentang tauhid, fiqh dan tasawuf

Lihat Mohd Idris Abdul Rauf al-Marbawi (t.t) *Kitab Punca Agama dan Pati Hukum-Hukum Ibadat*, c. 3, Kaherah : al-Matba'ah al- Marbawiyyah

<sup>44</sup> Mengandungi 36 isu-isu kontemporari berkaitan permasalahan umat Islam

Lihat Mohamed Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1938), *Nizam al-Hayah Peraturan Hidup Umat Islam*, Penang : United Press

sesama muslim, kehormatan diri sesama muslim, kemajuan dan kemunduran hidup muslim serta sebab musababnya dan sebagainya. Kitab ini selesai ditulis pada malam Jumaat 26 Rabiul Thani 1357 H bersamaan 24 Jun 1938 M.

#### 2.6.4.3      *Asas Islam*<sup>45</sup>

Kitab ini membicarakan perkara-perkara asas berkaitan wuduk dan solat yang disertakan dengan gambar bagi memudahkan pemahaman pembaca. Namun, penulis gagal menemui salinan naskhah kitab ini.

#### 2.6.5 DALAM MAJALAH

##### 2.6.5.1      *Majalah Pengasoh*<sup>46</sup>

Majalah Pengasoh adalah majalah dwi bulanan terbitan Majlis Agama Islam Kelantan. Al-Marbawi telah menyumbang hasil-hasil penulisannya dalam majalah secara tidak langsung semasa beliau menyambung pengajiannya di Kelantan. Penglibatan beliau dalam majalah ini dipengaruhi oleh guru beliau iaitu Tok Kenali.

##### 2.6.5.2      *Seruan al-Azhar*<sup>47</sup>

Seruan al-Azhar merupakan penerbitan yang dipelopori oleh kesatuan pelajar Melayu di Universiti al-Azhar, Mesir. Ia diterbitkan pada bulan Oktober 1925 di bawah pimpinan Ustaz Janan Taib dan dibantu oleh Ilias Ya'cob, al-Marbawi sendiri, Abdul

<sup>45</sup> Mohd Idris Abdul Rauf. Dr. (t.t),*op.cit.*

<sup>46</sup> Diasaskan oleh gurunya Tok Kenali. Lihat Ismail Che Daud (2001),*op.cit.*,h. 255.

<sup>47</sup> Akhbar bulanan oleh Persatuan Kebajikan Pelajar-pelajar Melayu. Keluaran pertama pada bulan Rabiul Awal 1344H oktober 195. Lihat Faisal bin Ahmad Shah (2007), *op.cit.*,h. 114.

Wahab Abdullah dan Mahmud Yunus. Al-Marbawi banyak menyumbang idea dan pemikiran dalam majalah ini. Banyak hasil-hasil penulisan beliau dimuatkan di dalamnya bermula pada bulan Mac 1928 ketika beliau dilantik menjadi ketua pengarang dengan dibantu oleh Ustaz Abu Bakar al-Asya'ari dan Abdul Kahar Muzahhir.

Kepelbagaiannya hasil karya yang meliputi pelbagai disiplin ilmu ini membuktikan ketajaman pemikiran, kedalaman ufuk ijtihad dan kewibaan beliau dalam pengajian ilmu-ilmu Islam. Kesungguhan dan keazaman beliau membantu anak-anak Malaysia mempelajari bahasa Arab terbukti melalui penghasilan karya sulung beliau iaitu *Kamus al-Marbawi* yang menjadi rujukan utama dalam bidang tersebut. Biarpun usia kamus tersebut sudah hampir 80 tahun, khazanah ilmu ini terus digunakan oleh pengkaji, pelajar dan masyarakat di Asia Tenggara.

## 2.7 ANUGERAH

Sumbangan al-Marbawi dalam memperkayakan khazanah penulisan Islam di Nusantara tidak dapat dinafikan lagi terutamanya dalam bidang tafsir. Walaupun beliau lebih terkenal dalam bidang hadis tetapi sumbangan beliau dalam bidang-bidang lain tetap dihargai sekalipun tidak lagi dijadikan rujukan masa kini.

### 2.7.1 Ijazah Kehormat Doktor Persuratan<sup>48</sup>

Atas sumbangan dan jasanya dalam bidang keagamaan dan persuratan, beliau telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada 5 Julai 1980. Anugerah tersebut dikurniakan oleh Canselor Universiti

---

<sup>48</sup> Lihat Utusan Qiblat, September 1980, h. 8

Kebangsaan Malaysia ketika itu iaitu Tunku Ja'afar ibn al-Marhum Tunku Abdul Rahman sempena majlis konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia ke-8.

### 2.7.2 Tokoh Ma'al Hijrah 1987<sup>49</sup>

Selain itu, al-Marbawi turut ditabalkan sebagai Tokoh Ma'al Hijrah Kebangsaan yang diadakan buat pertama kalinya pada tahun 1987 bersamaan 1 Muharam 1408H dalam upacara majlis sambutan Ma'al Hijrah. Anugerah tersebut diberikan berdasarkan sumbangan serta keilmuan beliau dalam dunia perkembangan Islam khususnya di Malaysia. Dalam majlis tersebut, beliau turut menerima hadiah berupa wang tunai berjumlah RM 40,000 serta sebuah pingat dan sijil yang telah disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad di hadapan kira-kira 3000 orang para tetamu yang hadir termasuklah duta-duta dari Negara Islam. Sebahagian duit tersebut digunakan beliau untuk membiayai Kolej Pengajian Islam yang diasaskan oleh beliau sendiri iaitu Kolej Islam al-Marbawi al-Islami pada Mac 1988.

### 2.7.3 Anugerah Pingat Ahli Mahkota Perak<sup>50</sup>

Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi turut menerima anugerah dari Sultan Perak atas kegigihan beliau sebagai anak negeri Perak yang banyak menabur jasa dalam perkembangan ilmu Islam. Beliau dikurniakan Anugerah Pingat Ahli Mahkota Perak pada 19 April 1988 yang disampaikan oleh Sultan Azlan Syah.

---

<sup>49</sup> Tajuddin Saman (1993) *op.cit.* h. 81.

<sup>50</sup> Faisal Ahmad Syah (2007), *op.cit.*, h. 118.

#### 2.7.4 Tokoh Anugerah Penulis Pentas Perak<sup>51</sup>

Kemasyhuran al-Marbawi dalam bidang penulisan karya Islam terus mendapat pujian dan penghargaan sekalipun beliau telah kembali ke rahmatullah. Beliau telah dianugerahkan Tokoh Anugerah Penulis Pentas Perak oleh putera mahkota Perak iaitu Raja Nazrin Syah pada 28 Febuari 2004 bersamaan 8 Muharam 1425H iaitu 15 tahun selepas beliau meninggal dunia. Penerimaan anugerah tersebut diwakili oleh anak beliau Ustazah Mariam binti Muhammad Idris al-Marbawi.

### 2.8 MENINGGAL DUNIA

Sebahagian hayat al-Marbawi telah dihabiskan di Mesir iaitu selama 55 tahun dengan melakukan aktiviti penulisan buku-buku ilmiah. Namun begitu beliau pernah pulang ke Malaysia sebanyak dua kali. Kali pertama pulang ke Malaysia adalah pada tahun 1967 yang bertujuan untuk menemui anak dan menantunya yang telah pulang lebih awal untuk berkahwin. Pada tahun 1968 pula beliau kembali ke Mesir untuk meneruskan aktivitinya di sana. Setelah itu, pada tahun 1980, beliau kembali ke Malaysia diiringi oleh ustaz Harun Din untuk menerima Ijazah Kehormat dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kepulangannya pada ketika itu kekal sehinggalah beliau menghembuskan nafas terakhir. Semasa berada di Malaysia, beliau menetap bersama anaknya walaupun keinginan untuk kembali ke Mesir masih ada. Keinginan beliau tersebut dihalang anaknya kerana keuzuran beliau di samping kemerosotan penglihatan yang dialaminya.

---

<sup>51</sup> *Ibid.* h 118.

Sepanjang berada di Malaysia, beliau tidak melakukan apa-apa aktiviti disebabkan keuzurannya.

Pada tanggal 13 Oktober 1989 bersamaan 13 Rabiul Awal 1409H, al-Marbawi telah menghembuskan nafas terakhir di Hospital Besar Ipoh pada jam 8.40 pagi. Al-Marbawi telah meninggalkan seorang balu iaitu isteri ketiganya, seorang anak, tiga cucu dan lima cicit. Jenazah beliau dikebumikan di tanah perkuburan orang-orang Islam di Kampung Lubuk Merbau iaitu bersebelahan dengan pusara isteri pertamanya Hajjah Khadijah binti Mohd Edham<sup>52</sup>.

Pemergiannya dalam usia 96 tahun itu masih dikenang hingga kini kerana sumbangannya yang begitu besar kepada masyarakat Islam khususnya golongan muda yang masih menggunakan hasil-hasil karya beliau sebagai rujukan dalam pelbagai lapangan pengajian Islam. Sepanjang hayatnya, al-Marbawi telah membuktikan betapa perlunya seseorang itu memberikan sumbangan kepada agama, bangsa dan Negara. Beliau telah mengabdikan dirinya sebagai seorang penulis ilmu Islam yang tidak pernah mengenal erti rehat.

## 2.9 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan-perbincangan yang telah disebutkan tadi, terbuktilah bahawa al-Marbawi merupakan seorang tokoh ilmuan yang bersemangat tinggi dalam mencari ilmu dan menyumbangkan segala pengetahuan yang beliau perolehi semasa rehlah ilmiah yang dilalui sepanjang hayatnya. Sumbangan beliau dapat dilihat apabila beliau menjadi guru agama ketika berada di Malaysia dan meneruskan penyampaian

---

<sup>52</sup> Tajuddin Saman (1993) *op.cit.*, h. 81

ilmu dalam bidang penulisan pula semasa berada di Mesir. Sekalipun kebanyakan hayatnya berada di Mesir berbanding di Malaysia, namun ketokohan beliau menjadi sebutan masyarakat tempatan melalui hasil-hasil karya yang menjadi rujukan utama khususnya dalam pengajian bahasa Arab. Semoga semangat perjuangan beliau dalam menimba dan menyampaikan ilmu menjadi contoh dan ikutan generasi akan datang.